

Headline	Kalau tahu, dedahkan kes curi kabel supaya penjenayah tertangkap		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	13 Jan 2024	Language	Malay
Circulation	107,609	Readership	322,827
Section	Letters	Page No	31
ArticleSize	520 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 63,792		



PASTINYA kegiatan kecurian kabel dapat diatasi secara total apabila orang awam turut menjadi mata dan telinga bagi pihak berkuasa.

Kalau tahu, dedahkan kes curi kabel supaya penjenayah tertangkap

SAUDARA PENGARANG,

SUDAH banyak kali kes kecurian wayar kabel bumi dilakukan pihak yang tidak bertanggungjawab dan ada yang tertangkap oleh pihak berkuasa. Namun, jenayah ini tidak pernah berhenti.

Bahkan, saya pernah terbaca satu laporan tentang beberapa anasir yang tidak bertanggungjawab telah menanggalkan beberapa sambungan wayar kabel bumi. Apabila ini dilakukan bekalan elektrik yang selalunya diterima di sesebuah kediaman meningkat kepada 400 voltan berbanding 230 voltan.

Dalam keadaan seperti ini, jika berlaku sebarang kerosakan pada alat-alat elektrik boleh membahayakan orang sekeliling kerana peluang untuk terkena renjatan amat besar.

Dan kecurian melibatkan suis tembaga bervoltan tinggi yang mengawal pengumpanan elektrik dan pengubah akan menyebabkan gangguan bekalan di beberapa kawasan.

Beberapa suis yang terlibat rosak dan jika ini berterusan, para pengguna akan terus mengalami gangguan bekalan kerana pemuliharaan bekalan elektrik akan melibatkan kerja oleh jurutera Tenaga Nasional Berhad (TNB) bagi mencari suis pengganti dari kawasan lain dan membawanya ke stesen-stesen kecil yang terlibat.

Sebagai pengguna, kita tidak boleh

bersikap acuh tidak acuh atau tidak ambil peduli terhadap masalah ini. Kita perlu faham bahawa bahaya elektrik tidak menghormati atau mengenali sesiapa pun. Apabila disalahguna, pastinya ia akan bertindak balas, selalunya menyebabkan bencana. Janglah membahayakan nyawa anda atau mereka yang dikasihi.

Pada hemat saya sebagai penggerak pengguna, menjadi tanggungjawab orang ramai membantu pihak berkuasa mengatasi masalah ini supaya kita tidak menjadi mangsa. Kenapa kita yang menderita akibat kejahatan beberapa orang yang tidak bertanggungjawab?

Marilah kita membantu membawa mereka yang bersalah ke muka pengadilan dan pastikan mereka menerima hukuman yang setimpal.

Bahkan TNB juga meminta kerjasama dari pihak pengguna. Oleh itu marilah kita bertindak segera.

Jika anda mempunyai sebarang keterangan mengenai kecurian-kecurian ini, dedahkanlah perkara ini kepada TNB. Laporkanlah kepada Pejabat Tenaga yang paling hampir jika adanya orang-orang disyaki berkeliraran di sekitar stesen atau stesen kecil janakuasa.

BULBIR SINGH

Bekas Presiden Persatuan Pengguna Negeri Sembilan